

13 MAY 1996
Thai-Senator
CHARERN PUNYAI DUA WAWASAN UNTUK MASYARAKAT THAI

Oleh: Mohd Zahari Morad

ALOR SETAR, 13 Mei (Bernama) -- Apabila Charern Intachat, 56, mengangkat sumpah sebagai Senator esok, ia merupakan detik bersejarah bagi masyarakat keturunan Thai di Malaysia kerana buat pertama kali mereka akan mempunyai seorang wakil di Parlimen.

Ia juga menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam membela nasib golongan minoriti itu yang dianggarkan terdiri daripada 50,000 orang yang kebanyakannya yang menetap di Kedah, Perlis, Kelantan dan utara Perak dan Terengganu.

Bagi bekas Pengarah Kastam Kedah itu, gelaran Senator membawa bersamanya amanah besar bagi membangunkan masyarakat Thai ke arah kehidupan yang lebih baik di negara yang serba makmur ini.

"Kami telah lama mengidam untuk mempunyai seorang wakil bagi menyuarakan pendapat dan masalah di peringkat tertinggi kerana sejak merdeka kami tidak mempunyai peluang itu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kompleks Cergas Jaya, Bukit Kayu Hitam, dekat sini.

"Ini merupakan satu penghormatan dan tanda pengiktirafan kerajaan terhadap masyarakat Thai," kata Charern yang juga penasihat projek syarikat Cergasjaya Properties yang mengendalikan Kompleks Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam.

Perlantikan Charern diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan dengan masyarakat Thai di perkampungan masyarakat Thai yang terbesar di Malaysia iaitu di Titi Akar, Pendang pada 4 Jan lepas.

Charern dilahirkan di Kota Tanah, Alor Setar dan merupakan anak seorang mekanik yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak sehingga ke darjah lima dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Kolej Sultan Abdul Hamid sehingga mendapat keputusan yang cemerlang dalam Higher School Certificate (HSC).

Antara kawan karibnya semasa di bangku sekolah ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff.

Pada awalnya cita-cita beliau adalah untuk menjadi doktor tetapi kerana kemiskinan dan tidak mendapat biasiswa, tawaran sebuah uiversiti di Madras terpaksa ditolak dan akhirnya beliau menyertai Kastam dengan pangkat Penolong Penguasa sehingga bersara 1 Feb 1995.

Mengenai wawasannya, Charern yang fasih berbahasa Melayu dan boleh menulis Jawi berkata, beliau menetapkan dua matlamat utama iaitu meningkatkan tahap pendidikan dan ekonomi masyarakat Thai.

Beliau berkata generasi muda masyarakatnya agak ketinggalan dalam bidang pendidikan kerana tidak mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran serta tinggal di kampung-kampung yang kemudahan pembelajarannya agak terhad.

"Namun begitu ada juga antara mereka yang berjaya dalam bidang pendidikan dengan menjadi pensyarah, doktor, peguam dan pegawai kanan kerajaan," katanya.

Masyarakat Thai di Malaysia kini banyak menumpukan kepada kegiatan pertanian dengan menjadi petani, peladang dan penoreh getah.

Bagi Charern sudah tiba masa masyarakatnya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat lain serta memainkan peranan dalam membangunkan negara, terutama dalam arus ke arah wawasan 2020.

Oleh itu, sejak diumumkan beliau akan dilantik sebagai Yang Berhormat, Charern telah mengembara untuk memperkenalkan diri di samping mendengar

masalah dan cadangan mereka untuk dikemukakan di Parlimen nanti.

Belum pun secara rasmi mengangkat sumpah, rumahnya di Jitra, telah dikunjungi banyak orang daripada masyarakatnya.

Ternyata perlantikan Charern disambut baik oleh masyarakatnya dan sebagai menghargai perlantikan itu, seramai 65 orang masyarakat Thai akan hadir di Dewan Negara esok untuk menyaksikan upacara angkat sumpah.

Charern yang juga Pengerusi Persatuan Masyarakat Thai berharap dapat mengabungkan masyarakatnya yang tersebar di beberapa negeri di utara Malaysia di bawah persatuan tersebut.

Bancian akan dijalankan untuk menentukan jumlah sebenar masyarakat Thai di Malaysia kerana sebelum ini tidak ada statistik yang lengkap dan tepat mengenai mereka bagi membolehkan sesuatu perancangan dilakukan, katanya.

Mengulas mengenai masyarakat Thai di Malaysia, beliau berkata mereka mendapat layanan yang baik daripada kerajaan negeri, hidup bersatu padu serta mendapat peluang yang sama dengan masyarakat lain.

"Budaya tempatan juga tidak jauh berbeza dengan budaya kami. kita semua serumpun," katanya.

Bagi masyarakat Thai, Charern yang juga Ketua UMNO cawangan Kota Giam-Sungai Baru dalam bahagian Kubang Pasu, adalah harapan mereka untuk menerangi masa depan generasi akan datang. -- BERNAMA

MZM PR